



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***MENEROKA PENGALAMAN KETERLIBATAN BELIA DALAM
KERJAYA USAHAWAN SOSIAL DI LEMBAH KLANG, MALAYSIA***

NUR RAIHAN BINTI CHE NAWI

FPP 2019 9



**MENEROKA PENGALAMAN KETERLIBATAN BELIA DALAM
KERJAYA USAHAWAN SOSIAL DI LEMBAH KLANG, MALAYSIA**

Oleh

NUR RAIHAN BINTI CHE NAWI

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

November 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**MENEROKA PENGALAMAN KETERLIBATAN BELIA DALAM
KERJAYA USAHAWAN SOSIAL DI LEMBAH KLANG, MALAYSIA**

Oleh

NUR RAIHAN BINTI CHE NAWI

November 2018

Pengerusi : Mohd Mursyid bin Arshad, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kerjaya sebagai usahawan sosial telah menarik kalangan belia untuk menceburi dalam bidang aktiviti keusahawanan sosial yang agak baru di Malaysia. Usahawan sosial mempunyai dua peranan yang besar dalam mengalas kerjaya yang berisiko ini. Dimana usahawan sosial perlu menjalankan aktiviti perniagaan untuk mendapatkan profit untuk digunakan mengatasi masalah sosial dan pada masa yang sama juga, usahawan sosial perlu menyelesaikan masalah sosial dengan menggunakan medium organisasi yang dipanggil perusahaan sosial. Walau bagaimanapun, aktiviti keusahawanan sosial di Malaysia masih lagi pada tahap permulaan, akan tetapi terdapat perkembangan yang positif penglibatan kalangan belia yang memilih kerjaya sebagai usahawan sosial. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk meneroka pengalaman keterlibatan belia dalam kerjaya usahawan sosial dalam konteks Malaysia, supaya pengalaman tersebut tidak hanya berada pada diri usahawan sosial sahaja. Kajian ini mempunyai empat persoalan kajian iaitu, 1) Apakah proses dalam membangunkan kerjaya sebagai usahawan sosial belia?; 2) Mengapa kerjaya sebagai usahawan sosial menarik minat belia?; 3) Bagaimana usahawan sosial belia membangunkan kerjaya mereka?; dan 4) Apakah cabaran yang dihadapi sebagai usahawan sosial belia?

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif, iaitu lebih spesifiknya menggunakan pendekatan naratif dalam meneroka pengalaman keterlibatan belia dalam kerjaya usahawan sosial. Sejumlah lapan orang usahawan sosial belia telah terlibat dalam kajian ini setelah mencapai titik tepu. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah menerusi pemerhatian oleh pengkaji, sesi temu bual semi berstruktur dan analisis dokumen. Seterusnya, data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan teknik *constant comparative* iaitu analisis data

sehingga mencapai titik ketepuan dalam pembentukan kod, kategori dan tema telah dilakukan bagi menjawab setiap persoalan kajian.

Dapatan kajian mendapati terdapat enam laluan untuk menjadi usahawan sosial, iaitu melalui 1) program latihan, 2) pertandingan geran, 3) sokongan organisasi bukan kerajaan (NGO), 4) sokongan keluarga, 5) sokongan rakan dan 6) sokongan majikan. Kajian ini juga mendapati kecenderungan belia menceburi bidang aktiviti keusahawanan sosial disebabkan mereka 1) memperoleh motivasi dari persekitaran, 2) memiliki minat dalam aktiviti keusahawanan sosial dan 3) juga keinginan tinggi untuk membantu komuniti. Walaupun usahawan sosial belia ini terdiri daripada latar belakang yang pelbagai, mereka telah berjaya membangunkan kerjaya mereka sebagai usahawan sosial. Proses pembangunan kerjaya sebagai usahawan sosial dapat dipecahkan kepada lima tema iaitu, 1) mengukuhkan jaringan sosial melalui aktiviti keusahawanan sosial, 2) mendapatkan informasi yang berkaitan dengan aktiviti keusahawanan sosial, 3) menggunakan pengalaman kerjaya yang dimiliki, 4) mendapat galakan yang berterusan untuk memulakan aktiviti keusahawanan sosial dan 5) membentuk karakter sebagai usahawan sosial. Kelima – lima elemen ini dilihat membantu usahawan sosial belia ini dalam memperkembang kerjaya mereka. Semasa melaksanakan aktiviti keusahawanan sosial dan juga memperkembang kerjaya mereka sebagai usahawan sosial, mereka turut menghadapi pelbagai cabaran. Antara cabaran yang dihadapi oleh usahawan sosial dalam kalangan belia ini adalah 1) peralihan kerjaya untuk menjadi usahawan sosial, 2) halangan untuk memulakan aktiviti keusahawanan sosial, 3) kesukaran memampatkan perusahaan sosial, dan 4) kelemahan dalam kerja berkumpulan.

Dapatan kajian ini dapat membantu pihak – pihak dan agensi – agensi berkepentingan dalam memperkasakan aktiviti keusahawanan sosial di Malaysia. Implikasi daripada kajian ini juga diharap dapat membantu dalam memberi panduan dan inspirasi kepada individu yang mempunyai minat dalam bidang ini. Secara tidak langsung, kajian ini dapat membantu bakal – bakal usahawan sosial dari segi membuat persiapan dalam memperlengkapkan diri dengan elemen – elemen yang diperlukan sebelum membuat keputusan dalam pemilihan kerjaya sebagai usahawan sosial.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

EXPLORING CAREER EXPERIENCE INVOLVEMENT AMONG YOUTH AS SOCIAL ENTREPRENEURS IN KLANG VALLEY, MALAYSIA

By

NUR RAIHAN BINTI CHE NAWI

November 2018

Chairman : Mohd Mursyid bin Arshad, PhD
Faculty : Educational Studies

A career as a social entrepreneur has attracted the youth to get involved in the field of social entrepreneurial activity is relatively new in Malaysia. Social entrepreneurs have two major roles towards this risky career. Social entrepreneurs need to carry out business activities to gain profit to overcome social problems, while at the same time, they need to solve social problems through an organization called social enterprises. However, although social entrepreneurship activities in Malaysia are still at an early stage, there is a positive development of youth involvement that chooses a social entrepreneur as a career. Therefore, this study aims to explore the youth's involvement experience in social entrepreneur career within Malaysia context, accordingly, the experiences are not only limited to social entrepreneur. This current study has four main research questions, 1) What is the the process in developing a career as a youth social entrepreneur?; 2) Why is the career as a social entrepreneur attracts youth?; 3) How do social entrepreneurs among youth develop their careers?; and 4) What are the challenges faced by youth social entrepreneurs?

This qualitative study adopted the narrative approach in exploring the youth's involvement experience as a social entrepreneur. After reaching the saturation point, a total of eight youth social entrepreneurs participated in this study. Data collection method implemented in this study are observation, semi-structured interviews and document analysis. Next, the data obtained were analysed using the constant comparative technique; that is by analysing data until it reaches the saturated point in the formation of codes, categories, and themes in response to the research questions.

The findings of the study indicate that there are six ways to become a social entrepreneur, namely through 1) training program, 2) grants competition, 3) support from non-governmental organizations, 4) family support, 5) support from friends and 6) support from employers. The findings have also shown that the involvement of youth in social entrepreneurship activities is triggered by 1) motivation from the environment, 2) high interest in social entrepreneurship activities and 3) a deep desire to help the community. Although the youth social entrepreneurs consist of diverse backgrounds, they have successfully developed their career as a social entrepreneur. The process of career development as a social entrepreneur can be divided into five themes, namely, 1) strengthening social networks through social entrepreneurship activities, 2) obtaining information related to social entrepreneurship activities, 3) using past career experience, 4) receiving the continuous support to start a social enterprise and 5) developing characters as a social entrepreneur. These five elements are seen to help these youth in developing their career as a social entrepreneur. While conducting social entrepreneurship activities and expanding their career as a social entrepreneur, they have also faced various challenges. The challenges faced by these youth social entrepreneurs are: 1) career transition to become social entrepreneurs, 2) barriers to start social entrepreneurship activities, 3) difficulty to sustain social enterprise, and 4) weaknesses in teamwork.

Consequently, this study will help stakeholders to empower social entrepreneurship activities in Malaysia. The implications of this study provide guidance and inspiration for individuals who have an interest in this field. This study will be able to help future social entrepreneurs to equip themselves with all the elements needed in choosing social entrepreneurs as a career.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kehadiran Ilahi, akhirnya dapat juga saya menyiapkan penulisan tesis ini walaupun terdapat pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi. Hal ini tidak akan terjadi sekiranya saya tidak mendapat sokongan, dorongan, bimbingan dan bantuan daripada ahli keluarga, pendidik dan rakan – rakan sepejuangan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan secara tidak langsung yang telah menyumbang dan membolehkan saya menyiapkan penulisan tesis ini.

Untuk pertama kali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi kerana telah menaja pengajian ini dibawah program myPhD. Begitu juga ribuan terima kasih kepada kedua ibubapa saya iaitu Siti Zaliha Haji Awang dan Che Nawawi Che Harun yang memahami perjalanan pengajian saya, memberi sokongan serta kata – kata semangat, banyak memberi sumber kekuatan dari segi emosi dan juga bantuan dari segi kewangan untuk saya kekal fokus dalam menyiapkan tesis apabila penajaan pengajian telah tamat menaja.

Tidak lupa juga kepada pendidik – pendidik yang saya hormati sepanjang tempoh pengajian saya pada peringkat Doktor Falsafah, ilmu kalian akan sentiasa mengalir dalam badan ini. Terima kasih tidak terhingga kepada ahli jawatankuasa penyelia iaitu Dr. Mohd Mursyid Arshad, Prof. Madya Dr Abdul Lateef Abdullah dan juga Prof. Madya Dr. Ismi Arif Ismail, yang banyak bersabar, tidak jemu membantu dan memberi idea – idea bernas semasa proses menyiapkan kajian. Ucapan terima kasih kepada Prof. Dr. Turiman Suandi kerana atas sokongan dan dorongan beliau yang membakar semangat saya untuk menyaluti cabaran untuk meneruskan pengajian di peringkat ini selepas tamat pengajian di peringkat Master.

Terima kasih juga kepada rakan – rakan rapat (Huda, Ezwan, Fafa, Akqmie, Eyla, Sue, Kak Sarah & Kak Sya) dan rakan – rakan seperjuangan (Dr Hidayah, Dr Noormi, Dr Jasmin & Aisyah) yang juga sentiasa memberi sokongan dengan memberi kata – kata semangat sepanjang saya dalam tempoh pengajian.

Terima kasih juga buat sahabat – sahabat seperjuangan (Adhe, Kak Azi, Syafiqah, Nazri, Anis, Ayuni, Kak Diana & Rindu) di Anjung Siswazah Perpustakaan Sultan Abdul Samad

Terima kasih tidak terhingga.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Mursyid Arshad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdul Lateef Krauss Abdullah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Ismi Arif Ismail, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Nur Raihan Binti Che Nawi, GS39464

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Mohd Mursyid Arshad

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Abdul Lateef Krauss Abdullah

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Ismi Arif Ismail

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	Pengenalan	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Latar Belakang Masalah	3
	Pernyataan Masalah	6
	Persoalan Kajian	8
	Kepentingan Kajian	9
	Skop dan Limitasi Kajian	10
	Definisi Istilah	11
	Ringkasan	12
2	SOROTAN LITERATUR	13
	Pengenalan	13
	Pembangunan Kerjaya dalam Aktiviti Keusahawanan Sosial	13
	Pembangunan Sumber Manusia	13
	Perkaitan Pembangunan Sumber Manusia dengan	
	Pembangunan Kerjaya	14
	Pembangunan Kerjaya	16
	Kerjaya	17
	Hubungan Antara Kerjaya dan Aktiviti di Luar Bidang	
	Pekerjaan	18
	Konsep Kerjaya Pasca Moden	19
	Kerjaya Tanpa Sempadan	19
	Kerjaya Subjektif	21
	Kerjaya Protean	22
	Teori Pembangunan Kerjaya	24
	Kerangka Teori Sistem Pembangunan Kerjaya	25
	Justifikasi Penggunaan Teori	36
	Penggunaan Teori dalam Kajian Lepas	38
	Pembangunan Aktiviti Keusahawanan sosial	38
	Definisi Aktiviti Keusahawanan Sosial	38
	Jenis - Jenis Dampak Sosial dalam Aktiviti Keusahawanan	
	Sosial	41

	Aktiviti Keusahawanan Sosial di Malaysia	42
	Penglibatan Belia dalam Aktiviti Keusahawanan Sosial di Malaysia	43
	Usahawan Sosial	45
	Karakteristik Usahawan Sosial	46
	Jenis – jenis usahawan sosial	50
	Teori Aktiviti Keusahawanan Sosial Positif	54
	Pembangunan Kerjaya Usahawan Sosial kepada Belia	56
	Keperluan Pengalaman Kerjaya Menjadi Usahawan Sosial	56
	Kerjaya Sebagai Usahawan Sosial Belia	57
	Belia Membangunkan Kerjaya Sebagai Usahawan Sosial	62
	Belia dan Cabaran Sebagai Usahawan Sosial	70
	Kerangka Teoritikal	71
	Ringkasan	76
3	METODOLOGI	77
	Pengenalan	77
	Penyelidikan Kualitatif sebagai Kaedah Kajian	77
	Penggunaan pendekatan Naratif	80
	Justifikasi bagi penggunaan tiga kaedah penyelidikan kualitatif	80
	Pemerhatian oleh pengkaji	81
	Kaedah sesi temu bual	82
	Analisis dokumen	83
	Pengkaji Sebagai Instrumen Kajian	84
	Aktiviti sebelum di lapangan	85
	Prosedur Persampelan	85
	Prosedur Pemilihan	86
	Kriteria Pemilihan Informan	87
	Informan Kajian	88
	Aktiviti dalam Lapangan: Prosedur Pengumpulan Data	89
	Kajian Rintis dan Kajian Sebenar	89
	Temu Bual Separa Berstruktur	91
	Panduan Temu Bual	94
	Alat Perakam Suara	95
	Medium Komunikasi - Internet	96
	Langkah – Langkah Pengumpulan Data	96
	Etika dalam Kajian	97
	Analisis Data dan Interpretasi	100
	Pengurusan Data	100
	Penyalinan Transkripsi Temu Bual	101
	Proses Menganalisis Temu Bual	101
	Analisis Naratif, Refleksi, dan Refleksi Dalam Kajian	105
	Kesahan dan Kebolehpercayaan	105
	Kesahan Dalaman (kredibiliti)	106
	Kebolehpercayaan atau keseragaman (kebolehharian)	108
	Kesahan luaran (kebolehtukaran atau ketersebutukan <i>conformability</i>)	108
	Pengelakkan bias pengkaji	109

Penterjemahan Data	110
Ringkasan	110
4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	111
Pengenalan	111
Butiran Informan	111
Persoalan Kajian 1	112
Apakah proses dalam membangunkan kerjaya sebagai usahawan sosial belia	112
Persoalan Kajian 2	164
Mengapakah kerjaya sebagai usahawan sosial menarik minat belia	164
Persoalan Kajian 3	180
Bagaimana usahawan sosial belia membangunkan kerjaya mereka	180
Persoalan kajian 4	215
Apakah cabaran yang dihadapi sebagai usahawan sosial belia	215
Kerangka Konseptual daripada Dapatan Kajian	230
Ringkasan	235
5 RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	236
Pendahuluan	236
Ringkasan	236
Kesimpulan	237
Implikasi	239
Implikasi kepada pembinaan teori	240
Implikasi kepada pembangunan kerjaya usahawan sosial belia	240
Cadangan	244
Penutup	247
RUJUKAN	250
LAMPIRAN	279
BIODATA PELAJAR	290
SENARAI PENERBITAN	291

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Sifat Utama Kerjaya Tradisional lwn. Kerjaya Protean	23
2	Definisi aktiviti keusahawanan sosial	40
3	Karakteristik usahawan komersial, karakteristik yang sama antara komersial dan sosial, & karakteristik unik usahawan sosial	48
4	Definisi karakteristik unik usahawan sosial	49
5	Jenis – jenis usahawan sosial	51
6	Tarikh sesi temu bual dan pemerhatian oleh pengkaji untuk kajian rintis dan kajian sebenar	93
7	Soalan – soalan etika dan bagaimana pengkaji menangani isu – isu etika dalam kajian ini	98
8	Profil informan Kajian	112

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Roda Sumber Manusia	16
2	Kerangka Teori Sistem Pembangunan Kerjaya	27
3	Kerangka Teoritikal Kajian	75
4	Prosedur pemilihan informan	87
5	Bagaimana David menjadi usahawan sosial	115
6	Bagaimana Reza menjadi usahawan sosial	119
7	Bagaimana Sofia menjadi usahawan sosial	125
8	Bagaimana Elina menjadi usahawan sosial	129
9	Bagaimana Adam menjadi usahawan sosial	136
10	Bagaimana Putri menjadi Usahawan Sosial	146
11	Bagaimana Adilah menjadi Usahawan Sosial	153
12	Bagaimana Grace menjadi Usahawan Sosial	161
13	Apakah proses dalam membangunkan kerjaya sebagai usahawan sosial belia	163
14	Mengapa Kerjaya sebagai usahawan sosial menarik minat belia	179
15	Bagaimana usahawan sosial belia membangunkan kerjaya mereka	214
16	Apakah cabaran yang dihadapi sebagai usahawan sosial belia	229
17	Model Proses Pengalaman Keterlibatan Belia dalam Kerjaya Usahawan Sosial	234

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Bab ini menerangkan latar belakang kajian, latar belakang masalah, pernyataan masalah, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop dan limitasi kajian, definisi istilah dan ringkasan berkaitan kajian pembangunan kerjaya dalam aktiviti keusahawanan sosial terhadap kalangan belia di Malaysia.

Latar Belakang Kajian

Kerjaya sebagai usahawan sosial telah mendapat perkembangan yang positif keterlibatan dalam kalangan belia di Malaysia. Walaupun aktiviti keusahawanan sosial di Malaysia masih pada peringkat awal (Farok, 2011; Sarif, Sarwar & Ismail, 2013; Othman & Abd. Wahid, 2014; MaGIC, 2015, 2016). Namun begitu, penglibatan kalangan belia dalam aktiviti keusahawanan sosial dilihat agak memberangsangkan iaitu sebanyak 64% belia yang berumur di bawah 40 tahun. Daripada pecahan 64% ini, penglibatan belia yang berumur antara 21 – 30 tahun adalah paling tinggi penglibatan dalam aktiviti keusahawanan sosial iaitu sebanyak 37% (MaGIC, 2016).

Usahawan sosial adalah individu yang mempunyai dua peranan dalam menjalankan aktiviti keusahawanan sosial, dimana usahawan sosial perlu mengatasi masalah sosial dan pada masa yang sama juga membuat perniagaan dengan menggunakan medium organisasi yang dipanggil perusahaan sosial.

Di Malaysia terdapat dua jenis organisasi yang melaksanakan aktiviti keusahawanan sosial iaitu perusahaan sosial dan perniagaan sosial. Perbezaan antara kedua organisasi ini adalah berdasarkan kepada prinsip yang digunakan, tetapi organisasi – organisasi ini menjalankan aktiviti keusahawanan sosial yang mempunyai persamaan dalam memperjuangkan misi sosial. Oleh itu, istilah perniagaan sosial yang mempunyai maksud yang sama dan fungsi yang sama dengan perusahaan sosial. Menurut Volkmann, Tokarski, dan Ernst (2012) dalam kajian – kajian lepas banyak menggunakan istilah perusahaan sosial berbanding dengan perniagaan sosial. Terdapat perbezaan antara perniagaan komersial dan perusahaan sosial, dimana perusahaan sosial mempunyai tiga elemen iaitu model perniagaan, misi sosial dan kumpulan sasaran (MaGIC, 2015, 2016), manakala perniagaan komersial hanya mempunyai model perniagaan sahaja. Model perniagaan merujuk kepada bagaimana perusahaan sosial menjana pendapatan dan keuntungan melalui jualan produk atau perkhidmatan. Misi sosial pula, merujuk kepada inisiatif dalam menyelesaikan isu – isu yang timbul di persekitaran yang kebiasaannya kurang diberi perhatian oleh sektor awam dan swasta. Manakala kumpulan sasaran merujuk kepada kumpulan yang sering

dipinggirkan dan diberi perhatian oleh usahawan sosial. Manakala perniagaan sosial pula menggunakan tujuh prinsip yang dicadangkan oleh Professor Muhammad Yunus (Rahaman, Islam & Khan, 2018).

Terdapat lima model perniagaan umum yang digunakan oleh perusahaan sosial dan perniagaan sosial di Malaysia iaitu 1) subsidi bersilang – model perniagaan ini menggunakan pendapatan yang dihasilkan dari satu kelompok pengguna untuk memberi subsidi kos kepada kelompok pengguna yang lain ; 2) beli dan derma – model perniagaan ini menggunakan pendekatan beli satu – untuk – satu, iaitu perusahaan sosial akan menderma satu produk atau perkhidmatan bagi setiap unit yang dijual; 3) pembiayaan mikro – model perniagaan ini merujuk kepada segi tiga piramid dimana model ini membolehkan usahawan terutamanya golongan dibahagian dasar piramid untuk memulakan perniagaan francais secara kecil – kecilan tanpa pelaburan awal yang besar. Perusahaan sosial ini sering digabungkan dengan pembiayaan mikro untuk membantu usahawan membayar kos francais; 4) perniagaan menyeluruh – model perniagaan ini merujuk kepada penyelesaian perniagaan yang melibatkan golongan miskin atau kurang bernasib baik dalam nilai rantai organisasi dari segi permintaan sebagai pelanggan dan pengguna, atau dari segi penawaran peluang sebagai pengeluar, usahawan mahupun pekerja; dan 5) reka bentuk mampu milik – model perniagaan ini merujuk kepada perniagaan yang berlandaskan kepada teknologi atau perkhidmatan yang direka bentuk dan telah mencapai kecekapan maksimum supaya perniagaan ini mampu dimiliki oleh golongan miskin. Produk atau perkhidmatan ini cenderung untuk menjadi lebih murah dan mesra pengguna.

Disebabkan Malaysia merupakan negara membangun, terdapat pelbagai sektor dampak sosial yang wujud di Malaysia. Sektor dampak sosial ini merujuk kepada bidang misi sosial yang diperjuangkan oleh usahawan sosial seperti contoh 1) Pembangunan Masyarakat, 2) Alam Sekitar, Kelestarian & Tenaga, 3) Akses Ekonomi & Pembasmian Kemiskinan, 4) Pendidikan, 5) Pembangunan Belia, 6) Penjagaan Kesihatan, 7) Seni, Media & Budaya, 8) Pembangunan Luar Bandar, 9) Inovasi Cermat/Teknologi Mampu Milik/Produk Berinovasi Tinggi, 10) Golongan Kurang Upaya dan 11) Air serta Sanitasi (MaGIC, 2015a).

Aktiviti keusahawanan sosial adalah merupakan fenomena yang semakin mendapat perhatian sama ada di luar negara begitu juga di Malaysia. Aktiviti keusahawanan sosial dilihat sebagai satu proses serampang dua mata dalam mengalakkan pembangunan masyarakat dan juga dalam sektor ekonomi. Untuk pemahaman yang lebih jelas mengenai aktiviti keusahawanan sosial, perkataan keusahawanan merujuk kepada aktiviti perniagaan, manakala perkataan sosial merujuk kepada aktiviti sukarelawan. Apabila digabungkan antara aktiviti keusahawanan dan aktiviti sukarelawan, akan membentuk konsep aktiviti keusahawanan sosial (Westlund & Gawell, 2012). Aktiviti keusahawanan sosial adalah gabungan antara misi sosial dan aktiviti perniagaan yang memberi fokus dalam pembangunan ekonomi dan pada masa yang sama, aktiviti ini juga mewujudkan nilai sosial (Mair & Marti, 2006; Beckmann, Zeyen, & Krzeminska, 2014). Walau bagaimanapun, aktiviti keusahawanan sosial

1.3 mungkin berlaku dalam atau sekitar organisasi bukan kerajaan, perniagaan, atau sektor kerajaan (Austin, Stevenson & Wei-Skillern, 2006; Santos, 2012).

Konsep aktiviti keusahawanan sosial mempunyai makna yang berbeza terhadap setiap individu (Dees, 1998). Sebagai contoh, aktiviti ini juga boleh merujuk kepada organisasi bukan kerajaan yang mencari inisiatif dalam mencari strategi pembiayaan alternatif atau pengurusan dalam mewujudkan nilai sosial (Boschee, 1998; Austin et al., 2006). Sementara pendapat lain mengenai aktiviti keusahawanan sosial sebagai amalan tanggungjawab sosial terhadap perniagaan komersial (Waddock, 1988; Sagawa & Siegel, 2000; Ilieva-Koleva & Dobрева, 2015). Aktiviti keusahawanan sosial juga dilihat sebagai satu alternatif untuk mengurangkan masalah sosial dan proses transformasi sosial (Ashoka Innovators, 2000; Alvord, Brown & Letts, 2004; Kostetska & Berezyak, 2014).

Oleh yang demikian, aktiviti keusahawanan sosial ini juga dikatakan dapat menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di kebanyakan negara seperti di United Kingdom (UK) dan Australia (MaGIC, 2015). Pada masa yang sama, kerajaan Malaysia turut mengorak langkah dalam mengalakkan kalangan belia untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan sosial dengan memberi insentif geran 20 Juta (MaGIC, 2015; Berita Harian, 19 Disember 2014). Hal ini mungkin disebabkan kalangan belia dilihat mempunyai idea yang kreatif dan berinovatif dalam mengatasi masalah sosial atau alam sekitar yang timbul. Walaupun aktiviti keusahawanan sosial di Malaysia masih pada peringkat awal (Farok, 2011; Sarif, Sarwar & Ismail, 2013; Othman & Abd. Wahid, 2014; MaGIC, 2015, 2016). Akan tetapi penglibatan kalangan belia dalam aktiviti keusahawanan sosial agak memberangsangkan iaitu sebanyak 64% belia yang berumur bawah 40 tahun (MaGIC, 2016). Jika dibandingkan dengan negara luar, misalnya di United Kingdom, majoriti usahawan sosial adalah berumur antara 44 – 65 tahun (Villeneuve-Smith & Chung, 2013).

Latar Belakang Masalah

Berdasarkan penglibatan belia yang terlibat dalam program keusahawanan sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) telah menarik hampir 10,000 orang belia. Program – program ini diselitkan dengan aspek – aspek seperti membina kepimpinan, keusahawanan dan sukarelawan bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan belia dalam melaksanakan aktiviti perniagaan. Sehubungan dengan itu, program ini telah melahirkan ramai usahawan komersial dan juga telah memberi sumbangan dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat. Justeru itu, kerajaan telah merangka penambahbaikan menerusi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang menyasarkan pada tahun 2020 agar potensi belia dapat digilap melalui kepimpinan yang dinamik, memiliki pelbagai kebolehan, meningkatkan daya keusahawanan dan memupuk semangat sukarelawan (Unit Perancang Ekonomi, 2015).

Daripada perspektif aktiviti keusahawanan sosial, perkataan keusahawanan adalah merupakan suatu aktiviti perniagaan, manakala sosial pula merupakan misi sosial yang mempunyai banyak persamaan dengan aktiviti kesukarelawan. Apabila digabungkan antara aktiviti perniagaan dengan aktiviti kesukarelawan, maka akan terbentuk konsep keusahawanan sosial (Westlund & Gawell, 2012). Dengan menggunakan contoh model perniagaan beli dan derma, misalnya Restoran Serai menyajikan masakan Melayu pada harga yang berpatutan. Dengan setiap hidangan yang dijual, Restoran Serai akan menyumbangkan makanan kepada gelandangan (kumpulan sasaran) yang memerlukan. Dapat dilihat Restoran Serai menyajikan masakan dengan harga yang berpatutan, ini merujuk kepada aktiviti perniagaan yang dilakukan untuk menjana pendapatan, manakala aktiviti kesukarelawan (misi sosial) merujuk kepada menyumbang makanan kepada gelandangan.

Oleh yang demikian, aktiviti keusahawanan sosial boleh dikaitkan dengan RMK-11 iaitu membangunkan potensi belia. Antaranya seperti membangunkan kepimpinan dan kebolehan, meningkatkan kemahiran keusahawanan dan juga memperkasakan semangat aktiviti kesukarelawan dalam kalangan belia. Hal ini dikukuhkan lagi apabila Kementerian Belia & Sukan telah menggazetkan aktiviti keusahawanan sosial dibawah sembilan bidang keutamaan belia iaitu dibawah bidang ke-6, keusahawanan (Dasar Belia Malaysia, 2015). Hasil laporan yang dilakukan oleh MaGIC (2016), turut menunjukkan kalangan belia merupakan peratusan tertinggi yang bergiat aktif dalam bidang aktiviti keusahawanan sosial iaitu 64%. Dengan ini dapat dilihat kerajaan amat komited memberi sokongan padu dan menyediakan persekitaran kondusif kepada belia yang ingin memberi manfaat kepada masyarakat melalui pendekatan aktiviti keusahawanan sosial. Hal ini kerana untuk menarik lebih ramai lagi kalangan belia di Malaysia untuk menceburi bidang ini.

Usaha menggalakkan penglibatan kalangan belia dalam aktiviti keusahawanan sosial, perlu mempunyai gambaran bagaimana potensi belia untuk menjadi seorang usahawan sosial. Antara faktor seseorang individu menceburi dalam bidang keusahawanan adalah disebabkan niat (Shaver, 1985; Renko, Carsrud & Brannback, 2009; Krueger, 2009; Fayolle, Linan & Moriano, 2014). Niat dalam aktiviti keusahawanan adalah dari minda usahawan yang mengarahkan kepada fokus, pengalaman, serta tindakan. Seperti niat terhadap konsep perniagaan, seseorang individu perlu menetapkan bentuk dan juga arah organisasi pada permulaan aktiviti keusahawanan (Bird, 1988; Mair & Noboa, 2006; Hockerts, 2017).

Menurut MaGIC (2015), secara amnya usahawan sosial ini telah beralih arah daripada sektor sosial atau aktiviti keusahawanan komersial kepada perusahaan sosial. Sektor sosial merujuk kepada organisasi bukan kerajaan yang memperjuangkan misi sosial. Perusahaan sosial pula adalah organisasi yang menjalankan aktiviti perniagaan yang bermisikn sosial atau alam sekitar iaitu tanpa mementingkan nilai keuntungan untuk kegunaan peribadi. Transformasi usahawan komersial kepada usahawan sosial adalah disebabkan oleh kepincangan sistem sosial dan juga faktor persekitaran yang mendorong mereka terlibat dalam aktiviti keusahawanan sosial. Menurut Volkmann et al., (2012), transformasi kerjaya terhadap individu – individu yang bergelar

usahawan sosial ini adalah disebabkan oleh penglibatan mereka dalam persekitaran, dimana mereka telah mengesan masalah sosial yang timbul dan telah terdorong untuk membangunkan penyelesaian dengan menggunakan model perniagaan untuk mendapatkan keuntungan dan digunakan untuk mengatasi masalah yang timbul tersebut. Dimana individu lain mungkin tidak dapat melihat bagaimana cara untuk mengatasi masalah tersebut, tetapi bagi usahawan sosial, mereka dapat membayangkan penyelesaian bagi sesuatu permasalahan. Misalnya seseorang individu mengesan ketidakcekapan pengurusan sisa pepejal di persekitarannya, lalu individu tersebut menggunakan cara – cara penggunaan semula bahan terbuang dengan cara yang lebih kreatif. Individu ini akan mengenakan bayaran kepada pelanggan yang ingin membeli barangan yang dikitar semula bagi memampakan perusahaan sosial mereka. Sehubungan dengan itu, dapat dilihat peralihan kerjaya daripada usahawan komersial kepada usahawan sosial disebabkan oleh dorongan untuk membuat ‘kebajikan’ kepada masyarakat di persekitaran mereka (Prabhu, 1999; Hibber, Hogg & Quin, 2002).

Seiring dengan peredaran zaman, usahawan boleh dikatakan sebagai kerjaya. Seseorang individu yang cenderung dalam bidang keusahawanan, adalah disebabkan mereka mempunyai pengalaman dan pengetahuan berdasarkan kerjaya terdahulu (Midlane, 2007, Unger, Rauch, Frese & Rosenbusch, 2011; Eesley & Roberts, 2012; Burton, Sorensen & Dobrev, 2016). Kerjaya sebagai usahawan telah digambarkan sebagai suatu peluang kerjaya baharu (Inkson, Ganesh, Roper & Gunz & 2010). Keputusan seseorang individu untuk menjadi seorang usahawan boleh dilihat sebagai pilihan kerjaya (Mohamad, Lim, Yusof, Kassim & Abdullah, 2014). Kerjaya dalam bidang keusahawanan melibatkan individu – individu yang telah membuat keputusan untuk bekerja sendiri sebagai punca sumber pendapatan dan mereka juga memulakan perniagaan sendiri (Coetzee, Schreuder & Tladinyane, 2014).

Kini, kerjaya tidak hanya tertumpu kepada urutan promosi hierarki dalam sesebuah organisasi sahaja. Terdapat perkembangan dalam bidang kerjaya, dimana kerjaya pasca moden telah diperkenalkan bagi memberi ruang kepada kerjaya yang tidak berlaku dalam organisasi. Kerja pasca moden merujuk kepada kerjaya yang lebih fleksibel. Misalnya kerjaya protean (Peiperi & Barukh, 1997; Arthur & Rousseau, 2001). Kerjaya protean adalah melibatkan seseorang individu yang inginkan kerjaya yang tidak terikat pada struktur organisasi dan individu ini ingin mencari makna peribadi yang dapat memenuhi dalam kehidupan mereka.

Aktiviti keusahawanan merupakan satu proses pencarian peluang baru atau sebagai kerjaya alternatif (Lee & Venkataraman, 2006; Mohamad et al., 2014). Sehubungan dengan itu, usahawan sosial bertindak sama seperti usahawan komersial. Cuma yang membezakan mereka adalah dari segi motif keuntungan pendapatan yang dijana, iaitu usahawan sosial lebih memfokuskan dalam mewujudkan nilai sosial (Bacq & Janssen, 2011). Mewujudkan nilai sosial merujuk kepada menjana atau penciptaan untuk kebaikan bersama (Murphy & Coombes, 2009; Narangajavana, Gonzalez-Cruz, Garrigos-Simon, & Cruz-Ros, 2016). Walaupun usahawan sosial bertindak sama

seperti usahawan komersial, namun masih terdapat kekurangan kajian mengenai pengalaman keterlibatan belia dalam kerjaya usahawan sosial dibincangkan.

Individu yang memilih kerjaya sebagai usahawan sosial dilihat perlu menggalas dua peranan yang agak berat, dimana usahawan sosial ini bertanggungjawab dalam mengatasi masalah dan juga memampankan perusahaan sosial. Menurut MaGIC (2016) membangunkan perusahaan sosial adalah dua kali lebih sukar berbanding memulakan perniagaan komersial. Hal ini disebabkan oleh usahawan sosial ditugaskan untuk membangunkan dan memampankan organisasi dan pada masa yang sama juga berperanan dalam mewujudkan impak (nilai) kepada perkembangan ekonomi dan juga sosial.

Kerjaya sebagai usahawan sosial secara amnya dilihat sebagai kerjaya berisiko tinggi, walau bagaimanapun kerjaya ini telah menjadi kerjaya pilihan dalam kalangan belia di Malaysia (MaGIC, 2015). Sehubungan itu, kajian ini ingin meneroka pengalaman keterlibatan kerjaya usahawan sosial dalam kalangan belia di Lembah Klang. Hal ini kerana, menurut laporan MaGIC (2016) usahawan sosial di Malaysia menghadapi masalah untuk mengimbangi kedua – dua peranan utama tersebut iaitu kemampuan perniagaan dan juga dampak sosial (*social impact*) tanpa ilmu perniagaan.

Pernyataan Masalah

Aktiviti keusahawanan sosial di Malaysia masih lagi pada peringkat permulaan (Farok, 2011; Sarif, Sarwar & Ismail, 2013; Othman & Abd. Wahid, 2014; MaGIC, 2015; 2016) dan berpotensi untuk berkembang. Menurut *General Entrepreneurship Monitor* (2009), kedudukan Malaysia adalah paling rendah berbanding dengan China, Hong Kong dan Korea, iaitu Malaysia masih lagi pada peringkat yang masih baru penglibatan dalam aktiviti keusahawanan sosial. Sejalan dengan peralihan masa, terdapat perkembangan yang positif terhadap penglibatan kalangan belia dalam aktiviti keusahawanan sosial dalam masa lima tahun ini, iaitu peningkatan jumlah usahawan sosial dalam kalangan belia yang berumur 40 tahun dan kebawah (MaGIC, 2016). Secara tidak langsung, corak pergerakan kerjaya usahawan sosial dalam kalangan belia telah beralih sama ada daripada sektor sosial atau aktiviti perniagaan komersial, ke perusahaan sosial (MaGIC, 2015, 2016). Dalam Kerangka Teori Sistem Pembangunan Kerjaya (Patton & McMahon, 2014) menggambarkan ‘pengaruh’ yang mempengaruhi faktor interpersonal dan juga konteks yang berkaitan dengan proses pembangunan kerjaya seseorang individu. Manakala Teori Aktiviti Keusahawanan Sosial Positif (Santos, 2012) pula menjelaskan ciri – ciri yang dimiliki sebagai usahawan sosial. Sehubungan dengan itu, kemungkinan apabila kedua teori ini dihubungkan dapat menjawab bagaimana pengalaman keterlibatan belia dalam kerjaya usahawan sosial dan pada masa yang sama kerjaya ini boleh dikembangkan lagi dalam konteks Malaysia. Setakat ini, kekurangan kajian yang menghubungkan antara Kerangka Teori Sistem Pembangunan Kerjaya (Patton & McMahon, 2014) dan Teori Aktiviti Keusahawanan Sosial Positif (Santos, 2012). Oleh yang demikian, kajian ini ingin melihat secara empirikal kesesuaian proses dalam pembangunan

kerjaya apabila dihubungkan dengan aktiviti keusahawanan sosial, dan akhirnya membentuk kerjaya sebagai usahawan sosial.

Kerjaya sebagai usahawan sosial telah menarik kalangan belia untuk menceburi bidang yang agak baru di Malaysia. Didapati kalangan belia yang berumur 21 tahun hingga 40 tahun merupakan peratusan tertinggi iaitu 64% terlibat dalam aktiviti keusahawanan sosial (MaGIC, 2016). Menurut Teori Aktiviti Keusahawanan Sosial Positif (Santos, 2012) usahawan sosial memenuhi peranan dalam ekonomi apabila berlaku kepincangan dalam sistem masyarakat dan juga kegagalan pihak kerajaan dalam mengatasi masalah yang timbul. Transformasi kerjaya sebagai usahawan sosial adalah disebabkan oleh penglibatan individu dalam persekitaran, dimana individu – individu ini telah mengesan masalah sosial yang timbul dan telah terdorong untuk membangunkan penyelesaian (Volkman et al., 2012) dengan menggunakan pendekatan aktiviti keusahawanan sosial. Seperti yang dihuraikan dalam Kerangka Teori Sistem Pembangunan Kerjaya (Patton & McMahon, 2014), pengaruh dari sistem individu, dan sistem kontekstual dapat menggambarkan bagaimana kerjaya sebagai usahawan sosial boleh berkembang. Aktiviti keusahawanan sosial memainkan peranan penting sebagai ejen perubahan kepada masyarakat yang perlu dipraktikkan di Malaysia secara meluas (MaGIC, 2015). Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri keenam telah memberi sokongan padu terhadap kalangan belia untuk mengalakkan mereka terlibat aktif dalam aktiviti keusahawanan sosial dengan memberi insentif geran pada tahun 2018. Oleh yang demikian, mengapa kerjaya sebagai usahawan sosial telah menarik minat kalangan belia dalam konteks Malaysia?

Setakat ini, kajian seperti Albien (2013), Byrne (2007) dan Bridgstock (2007a) telah dibuktikan dengan mengguna pakai Kerangka Teori Sistem Pembangunan Kerjaya (Patton & McMahon, 2014) dalam konteks pembangunan kerjaya. Manakala dalam konteks aktiviti keusahawanan sosial, kajian tentang usahawan sosial banyak dibincangkan, akan tetapi terdapat sedikit kajian mengenai aktiviti keusahawanan sosial dan pembangunan kerjaya. Kajian – kajian yang telah dijalankan di Malaysia adalah seperti aktiviti keusahawanan sosial dan pembangunan ekonomi (Li, 2010), kelangsungan hidup dan aktiviti keusahawanan sosial (Ismail & Sarwar, 2013), potensi aktiviti keusahawanan sosial (Radin Siti Aisyah, Zaidatol Akmaliah, Suhaida & Soaib, 2013), penglibatan pelajar Institut Pengajian Tinggi dalam aktiviti keusahawanan sosial (Hariyati, 2014), pembasmian kemiskinan melalui aktiviti keusahawanan sosial (Zainol, Daud, Abdullah & Yaacob, 2014). *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre* (MaGIC) merupakan salah satu badan yang mengawal selia aktiviti keusahawanan sosial turut melakukan kajian menyeluruh mengenai perkembangan aktiviti keusahawanan sosial di Malaysia. Dimana kajian yang dilakukan menggunakan kaedah pendekatan kuantitatif untuk mendapatkan gambaran perkembangan aktiviti ini di Malaysia. Dapatan daripada kajian ini, membantu untuk meneroka pengalaman keterlibatan belia yang berkerjaya sebagai usahawan sosial dengan lebih mendalam lagi dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Justeru itu, terdapat keperluan kajian untuk meneroka bagaimana proses usahawan sosial membangunkan kerjaya mereka. Oleh yang demikian, kajian ini akan memberi fokus kepada aktiviti keusahawanan sosial dan pembangunan kerjaya untuk meneroka

bagaimana proses pembangunan kerjaya sebagai usahawan sosial belia dalam konteks Malaysia.

